

# Panduan hadapi temu duga



## 1. Persediaan Awal

Selidik profil syarikat/ jabatan, jawatan atau bidang tugas dipohon. Ini soalan-soalan asas yang lazim disoal panel temu duga. Kegagalan menjawabnya menunjukkan seolah-olah calon tidak membuat persediaan rapi.

Pastikan sijil asal dan salinan pendua sijil serta resume disediakan dan cuba dapatkan nama atau gelaran panel temu duga

## 2. Berlatih

### a. Ulangkaji

Ini soalan popular yang sering disoal untuk mengetahui tahap pengetahuan calon mengenai teori dan praktikal bidang dipelajarinya. Kegagalan calon menjawab dengan baik boleh menjejaskan peluang mendapatkan jawatan tersebut.

b. Membuat persediaan berkaitan soalan yang mungkin ditanya

Membuat persediaan awal untuk menjawab soalan-soalan yang mungkin ditanya dengan baik

dan lancar. Selain daripada itu, calon juga dapat berlatih menggunakan nada suara, kelajuan dan intonasi yang sesuai semasa temu duga. Calon boleh meminta bantuan rakan untuk memberi maklum balas. Perlu diingat calon hendaklah berlatih menjawab dan bukannya menghafal jawapan.

## 3. Pakaian

Kenal pasti etika berpakaian di tempat kerja. Sesetengah majikan di sektor swasta mempunyai etika berpakaian yang berbeza dengan sektor awam. Oleh itu, calon perlu memakai pakaian sesuai dengan etika berpakaian di tempat kerja terbabit untuk menghadiri temu duga.

Adab berpakaian dan keterampilan diri untuk lelaki ialah digalakkan memakai baju kemeja lengan panjang berwarna cerah dan seluar berwarna gelap dan bertali leher. Bagaimanapun, cara berpakaian semasa temu duga ini boleh disesuaikan mengikut etika ber-

pakaian di tempat kerja terbabit. Pemakaian seluar jeans, baju-T berleher bulat tidak dibenarkan.

Memakai kasut bertumit dan berstoking warna gelap. Berambut pendek dan kemas, sekiranya berjanggut hendaklah dipotong rapi. Tali pinggang yang dipakai mesti sama warna dengan kasut dipakai.

Manakala bagi perempuan pula perlu memakai pakaian sepadan, tidak memakai pakaian berwarna terang, tidak memakai pakaian seperti lelaki, tidak memakai pakaian yang menjolok mata. Memakai kasut bertumit. Bagi yang tidak bertudung, rambut disisir rapi atau diikat. Jangan mewarnakan rambut dengan menggunakan warna-warna menyakitkan mata seperti merah, biru, ungu dan berwarna-warni. Jangan memakai aksesori berlebihan terutama barang kemas.

## 4. Adab di awal temu duga

Beri salam atau ucapan

selamat kepada panel temuduga, bersikap tenang, mendengar soalan dengan betul, mempunyai keyakinan dan motivasi diri yang tinggi, jangan menguasai sesi temu duga, jangan bercakap banyak atau membesar-besarkan diri, jangan cerita mengenai masalah peribadi seperti kewangan dan kesihatan, jangan bertengkar dengan penemu duga dan jangan mengkritik bekas majikan.

## 5. Di akhir temu duga

Biarkan panel temu duga menamatkan sesi temuduga, ucapkan terima kasih selepas selesai temu duga, tinggalkan bilik temuduga dengan segera dan bersopan santun dan pastikan barang-barang tidak tertinggal.

## 6. Larangan temu duga

Jangan bercakap terlalu perlahan atau terlalu cepat, jangan mengoyangkan atau menyilangkan kaki, menjengilkan mata dan memotong kata-kata penemu duga.

**?** Saya graduan dari salah sebuah universiti di utara dan dalam proses mencari pekerjaan sesuai. Malangnya sehingga kini belum mendapat apa-apa tawaran bekerja. Setakat ini, saya sudah menghadiri beberapa sesi temu duga, namun saya mungkin gagal mendapat perhatian daripada majikan.

Saya menerimanya sebagai cabaran untuk terus mencari peluang pekerjaan. Namun, saya berharap puan dapat membantu memberi sedikit panduan untuk menghadapi temu duga. Sekian, terima kasih.

**MASIH Mencari Negeri Sembilan**

**!** Tahniiah kepada anda kerana berjaya menamatkan pengajian di peringkat tertinggi. Kini, tiadalah masanya untuk berusaha tanpa jemu untuk menempatkan diri dalam dunia pekerjaan. Perlu diketahui rezeki itu hanya untuk yang berusaha. Maka teruskanlah usaha tanpa henti. Berikut panduan yang boleh anda ikuti bagi mempersiapkan diri sebelum bersedia menghadapi sesi temu duga seterusnya.

Berdoa dan bertawakkal kepada Allah SWT agar dipermudahkan rezeki dan dipercepatkan proses mendapatkan pekerjaan. Selamat mencuba.

10/1/2013

10/1/2013

10/1/2013

10/1/2013

10/1/2013

10/1/2013